

*Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005*

*6 September 2005*

*Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur*

# **KEUSAHAWANAN ISLAM** *Dalam Era Globalisasi*



**PEMBANGUNAN USAHAWAN MUSLIM  
BERASASKAN  
PRINSIP ISLAM HADHARI**

**Suhaili Sarif  
Ahmad Sufian Che Abdullah**  
Universiti Malaya



Anjuran: Jabatan Syariah dan Pengurusan

## **PEMBANGUNAN USAHAWAN MUSLIM BERASASKAN PRINSIP ISLAM HADHARI**

Suhaili Sarif

Ahmad Sufian Che Abdullah

(Universiti Malaya)

### **Pendahuluan**

Melihat kepada prinsip Islam Hadhari, kita dapat membuat kesimpulan bahawa terdapat dua golongan yang cuba disasarkan melalui pelaksanaan Islam Hadhari oleh kerajaan Malaysia. Pertama ialah golongan yang jumud yang menganggap harta itu fitnah dan mencari harta itu adalah memburu dunia, dan kedua ialah golongan yang meninggalkan agama mereka kerana terlalu taksub mengejar kemewahan dan keuntungan perniagaan.

Jika diteliti, ayat al-Quran dan hadith Rasulullah banyak yang memberi peringatan tentang harta sebagai ujian kepada manusia. Hal ini menjadikan sesetengah umat Islam yang tidak mempunyai pandangan yang menyeluruh tentang Islam telah menyaltahtafsirkan ayat al-Quran, sehingga akhirnya membawa kemunduran kepada umat Islam itu sendiri.<sup>1</sup> Padahal punca utama penurunan tentang kewaspadaan terhadap usaha mencari harta ialah kerana kerjaya masyarakat awal kedatangan Islam ialah usahawan dan ahli peniagaan.

Perkembangan globalisasi barat yang menghakis pengangan umat Islam terhadap ajaran mereka turut memberi impak berlawanan dengan golongan yang telah disebutkan sebelum ini. Mereka ini menceburi bidang keusahawanan, mencari harta kekayaan berasaskan pandangan material semata-mata sehinggakan mengabaikan tanggungjawab serta prinsip-prinsip yang telah dijelaskan oleh Islam itu sendiri.

Dua kesan yang saling berlawanan ini perlu dicari titik penyelesaiannya untuk membina masyarakat yang seimbang. Krisis 'tanda halal' yang berlaku pada awal 2005 perlu diambil perhatian serius oleh umat Islam. Betapa pentingnya umat Islam menceburi bidang keusahawanan, sekurang-kurangnya untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam sendiri. Prinsip Islam Hadhari yang telah diperkenalkan oleh

---

<sup>1</sup> Nik Mohamed Affandi bin Nik Yusoff (2001), *Islam & Wealth: The Balanced Approach to Wealth Creation, Accumulation and Distribution*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hh. 4-5.

Perdana Menteri Malaysia ke-5, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai asas pemerintahan beliau sebenarnya boleh menjadi asas kepada pembangunan usahawan yang seimbang dalam masyarakat Islam.

### **Islam Hadhari Sebagai Satu Pendekatan**

Islam Hadhari ialah gabungan dua perkataan iaitu Islam dan Hadhari. Hadhari bermaksud membangun, maju dan progresif. Islam Hadhari yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri, adalah satu pendekatan berasaskan Islam, yang lebih untuk menonjolkan kemajuan dan pembinaan tamadun. Dalam hal ini, kekeliruan telah timbul oleh sesetengah pihak tentang ketepatan istilah yang digunakan. Ada yang mengatakan bahawa perkataan Islam sudah tidak memerlukan sifat Hadhari lagi kerana Islam sendiri sudah membayangkan sebuah ketamadunan, pembangunan dan kemajuan. Justeru adalah istilah Islam Hadhari didakwa sebagai istilah yang tidak tepat, tersasar serta seolah-olah membawa Islam yang baru.

Walau apa pun polemik yang timbul, Perdana Menteri sendiri telah menjelaskan bahawa: "Islam Hadhari bukanlah agama baru. Islam Hadhari bukan ajaran baru. Islam Hadhari bukannya mazhab baru. Islam Hadhari adalah usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada asas-kepada fundamental. Asas dan fundamental menurut yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadis yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam. Kita memerlukan keteguhan iman, ketangkasan mental dan kekuatan fizikal. Pendekatan menjayakan Islam Hadhari adalah satu pendekatan yang dapat memperkasa perjuangan bangsa yang lebih besar, di dunia dan di akhirat."<sup>2</sup>

Menurut Mahmood Zuhdi Abd Majid, Islam Hadhari adalah satu bentuk pendekatan pelaksanaan asas-asas Islam dalam masyarakat, dengan lebih menonjolkan kepada aspek-aspek pembangunan yang seimbang. Penggunaan istilah ini adalah tidak salah, memandangkan ia merupakan satu kaedah yang berasaskan ketamadunan demi mencipta tamadun Islam sebagai mana tamadun Islam di zaman Rasulullah s.a.w. Justeru, Mahmood mencadangkan, tidak ada sebab untuk

---

<sup>2</sup> Petikan Ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam perhimpunan Agong UMNO ke 55 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 23 September 2004. Lihat Laman Web Jabatan Kemajuan Islam, di <http://www.islam.gov.my/islamhadhari/> 19 Ogos 2005.

masyarakat Islam tidak menyokong pendekatan ini selagi prinsip yang dibawa adalah berteraskan al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan al-Qiyas.<sup>3</sup>

### **Prinsip Islam Hadhari Berasaskan *Wasatiyyah***

Kerajaan telah menyenaraikan 10 prinsip utama yang mendasari Islam Hadhari. Prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut:<sup>4</sup>

- i. Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah
- ii. Kerajaan yang adil dan beramanah
- iii. Rakyat yang berjiwa merdeka
- iv. Penguasaan ilmu pengetahuan
- v. Pembangunan Ekonomi yang seimbang dan komprehensif
- vi. Kehidupan yang berkualiti
- vii. Pembelaan hak kumpulan wanita dan minoriti
- viii. Keutuhan budaya dan moral
- ix. Pemuliharaan Alam semula jadi
- x. Kekuatan pertahanan

Semua prinsip ini adalah dasar kepada pembangunan negara, dan jika dilihat ia adalah satu bentuk objektif yang jelas yang mahu dicapai oleh Malaysia di bawah pemerintahan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Secara umumnya, prinsip ini bermatlamat untuk membangunkan Malaysia dalam acuan Islam, bukan berasaskan kemajuan barat semata-mata. Prinsip-prinsip ini, jika dilaksanakan secara serius dalam bidang keusahawanan, boleh membangunkan institusi usahawan Muslim yang bukan sahaja berdaya saing bahkan boleh melaksanakan tanggungjawab sosial seorang usahawan seperti yang dituntut oleh Islam.

Prinsip Islam Hadhari adalah diasaskan oleh prinsip *Wasatiyyah* dalam Islam.<sup>5</sup> *Wasatiyyah* ialah keseimbangan dalam pengamalan Tidak melampau tinggi ke atas

---

<sup>3</sup> Lihat Mahmood Zuhdi Ab Majid (2004), Memahami Islam Hadhari. (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Islam Hadhari, 24-25 November 2004 di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 9.

<sup>4</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Laman Web Islam Hadhari di <http://http://www.islam.gov.my/islamhadhari>, 19 Ogos 2005

<sup>5</sup> Lihat Hj Salleh Mohd Yusof (2004), *Islam Hadhari: Perjuangan Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Islam Yang Maju, Prograsif & Moderate*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia, h. 26.

dan tidak juga melatar di bawah. *Wasatiyyah* berada di tengah-tengah paksi di antara dua ekstrim. Ekstrim dalam meninggalkan Islam dan mengejar keduniaan, dan ekstrim dalam meninggalkan dunia kononnya semata-mata untuk mengejar akhirat.<sup>6</sup> Firman Allah swt.: “*Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu*” [al-Baqarah: 143] Jika perhatikan ayat al-Quran ini dengan lebih jelas, seolah-olah menggambarkan bahawa umat Islam ialah berada pada kedudukan yang strategik iaitu dalam titik tengah bagi sebuah bulatan yang mampu menyaksikan gelagat manusia lain secara menyeluruh di sekelilingnya, dan sunnah Rasul pula menjadi pemimpin bagi orang-orang Islam.<sup>7</sup>

Dalam hal ini diceritakan oleh Ibn Mas’ud bahawa Rasulullah pernah bersabda: “*Hancurlah bagi golongan yang melampaui batas, hancurlah bagi golongan yang melampaui batas, hancurlah golongan yang melampaui batas.*”<sup>8</sup> Golongan yang melampaui batas ialah mereka yang ekstrim dalam mengamalkan ajaran Islam sehingga meninggalkan kegiatan yang menghidupkan sistem sosial manusia.

Menurut Yusuf al-Qaradawi, keseimbangan dalam Islam meliputi semua aspek kehidupan termasuklah akidah, ibadah, akhlak, mualamat, ekonomi dan sosial. Mengejar dunia tanpa menghiraukan batas-batas Syariah adalah satu bentuk ekstrim dalam mengejar keduniaan. Sebaliknya, mengabaikan urusan dunia seperti bidang perniagaan, mencari harta dan kekayaan juga dianggap ekstrim, yang menyalahi daripada landasan kesederhanaan Islam.<sup>9</sup> Inilah sebenarnya ciri-ciri yang mendasari prinsip Islam Hadhari.

Pembangunan ekonomi, kemajuan teknologi, ketinggian intelektualiti dan lain-lain lagi telah dikuasai oleh barat. Dalam usaha untuk menandingi kehebatan itu, masyarakat Islam sering terpengaruh dengan idea-idea barat yang sebenarnya membunuh umat Islam dan manusia sejagat. Usaha memindahkan teknologi,

---

<sup>6</sup> Lihat Ahmad Sufyan Che Abdullah (2002), “Sifat-Sifat Syariat Islam” dalam *Asas Pengajian Syariah* (Editor: Ahmad Sufyan Che Abdullah), Kuala Lumpur: Extro Publications, h. 11.

<sup>7</sup> Lihat Ahmad Sufyan Che Abdullah (2004), “Syariah Islam – Fahami Secara Menyeluruh” dalam *Utusan Malaysia* 27 Januari 2004.

<sup>8</sup> Sahih Muslim, Kitab al-`Ilm, Bab Halaka al-Mutanatti`un, No. 4823.

<sup>9</sup> Lihat Yusuf al-Qaradawi (1995) *al-Sahwah al-Islamiyyah Bayna al-Juhud wa al-Tatarruf*. Beirut: Resalah Publishers, h. 28

menguasai ekonomi dan memodenkan masyarakat Islam di Malaysia memerlukan pendekatan seimbang. Pentingnya keseimbangan ini kerana dua bidang ini seolah-olah masih belum bersatu dalam satu titik pertemuan.

Bahkan Allah sendiri sentiasa memberi peringatan di dalam al-Quran: “Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar”. [al-Anfal:28] Firman Allah lagi: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintahNya). Dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi” [al-Munafiqun: 9] Peringatan-peringatan ini bukanlah bertujuan untuk memundurkan umat Islam, tetapi supaya manusia menjalankan tugas mencari harta dan pembangunan dalam penuh beretika dan berlandaskan prinsip-prinsip yang dibenarkan Syariah.

### **Usahawan Sebagai Bidang Fardu Kifayah**

Berasaskan prinsip Islam Hadhari, aspek fardu kifayah perlu diperjelaskan dengan lebih terperinci agar masyarakat dapat memahaminya dengan baik. Fardu kifayah ialah berupa suatu arahan daripada Allah yang mendapat pahala apabila dilakukan dan meninggalkannya adalah satu dosa, tetapi memadai jika dilakukan oleh bilangan yang cukup dalam sesuatu komuniti masyarakat. Fardu kifayah adalah sama dengan fardu-fardu yang lain, kecuali kewajipan ini tidak diwajibkan ke atas setiap individu, tetapi ke atas komuniti masyarakat.<sup>10</sup> Contoh fardu kifayah ialah bidang perubatan, pembinaan dan termasuklah bidang keusahawanan. Dalam hal ini, sekiranya bilangan doktor umat Islam masih kurang berbanding dengan keperluan masyarakat, maka masih dianggap belum menunaikan kewajipan itu. Begitu juga dengan bidang keusahawanan, sekiranya tidak cukup, maka umat Islam menanggung bebanan dosa.

Menurut Imam al-Syatibi, fardu kifayah jika dilihat secara induktif adalah satu kewajipan umat yang besar, sama dengan fardu ain, yang jika tidak dilaksanakan

---

<sup>10</sup> Abu Ishaq al-Syatibi (t.t.), *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, juz 1, h 113.

boleh membawa implikasi buruk terhadap umat Islam itu sendiri.<sup>11</sup> Justeru, bidang keusahawanan adalah sebenarnya suatu bentuk ibadah fardu yang wajib ditunaikan oleh umat Islam. Para usahawan pula ialah mereka yang memperolehi ganjaran berlipat kali ganda oleh Allah bukan sahaja kerana memenuhi keperluan masyarakat, bahkan kerana berjaya mengamalkan nilai dan etika Islam dalam usaha mereka itu. Hal ini adalah berasaskan firman Allah: “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian. [Fatir: 29]

## **ISLAM SEBAGAI FAKTOR PEMBANGUNAN EKONOMI**

Zakat antara rukun Islam yang keempat selepas puasa yang wajib ditunaikan. Sesetengah ulama' berpendapat, rukun Islam ialah rukun ketiga sebelum ibadah puasa berasaskan kekerapan Allah menyebutnya di dalam al-Quran.<sup>12</sup> Hampir semua ayat yang memerintahkan umat Islam mendirikan sembahyang dirangkaikan bersama arahan menunaikan zakat. Menurut Sayyid Qutb, zakat ialah lambang kepada keadilan ekonomi dalam Islam yang menjamin pengagihan kekayaan secara adil dan amanah.<sup>13</sup> Menurut Yusuf al-Qaradawi pula, arahan berangkai tentang kewajipan sembahyang dan zakat membuktikan Islam adalah agama yang mementingkan pembangunan dunia dan akhirat. Keseimbangan inilah yang mahu dicanangkan oleh prinsip-prinsip Islam Hadhari.

Pembangunan ekonomi melalui sistem zakat boleh dilihat melalui dua aspek. Aspek pertama ialah pengagihan kekayaan daripada dimonopoli oleh sebahagian masyarakat. Monopoli kekayaan dalam masyarakat amat menjejaskan sistem ekonomi sesebuah negara. Firman Allah swt: “Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah dan bagi kaum kerabat

---

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Lihat perincian dalam Yusuf al-Qaradawi (2001), *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Resalah Publishers, j. 1, h. 97.

<sup>13</sup> Sayyid Qutb (2000), *Social Justice in Islam*. Trans: John B. Hardie. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, h.128.

(Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu” [al-Hasyr:7] Sayyid Qutb menjelaskan, gesaan Islam supaya mendermakan harta dan memberi zakat bukanlah untuk menyekat kekayaan umat Islam, bahkan untuk menyeimbangkan kekayaan dalam masyarakat. Setiap orang bebas mencari harta masing-masing selagi mana mereka tidak melampaui undang-undang yang ditetapkan oleh Allah.<sup>14</sup>

Aspek kedua ialah melihat zakat dalam aspek yang berlawanan kewajipan membayar zakat sebenarnya turut mewajibkan umat Islam berusaha mencari sejumlah harta yang banyak untuk membolehkan seseorang itu membayar zakat. Zakat tidak boleh dilihat kepada aspek membahagikan sejumlah harta kepada yang memerlukan, tetapi perlu dilihat juga bagaimana harta-harta itu perlu diperolehi. Bagaimana mungkin seseorang boleh membayar zakat tanpa wang terkumpul yang banyak? Ini membuktikan bahawa masyarakat Islam sebenarnya adalah masyarakat yang progresif dan maju serta kaya.<sup>15</sup> Bahkan Imam al-Ghazali menyifatkan segala bentuk usaha untuk mencapai perkara wajib seperti haji dan zakat adalah juga menjadi fardu dan kewajipan kepada setiap orang Muslim.<sup>16</sup> Dengan ini, usaha untuk mengumpul wang bagi tujuan zakat juga adalah wajib sekali pun usaha itu tidak membuahkan hasil.

Masyarakat sudah pastinya akan maju dan membangun dengan adanya usaha-usaha dan kerja gigih untuk menunaikan fardu zakat. Peniaga hartawan yang sanggup menyumbangkan harta kepada program-program pembangunan masyarakat. Hal ini telah dibuktikan oleh para sahabat Rasulullah sendiri yang sanggup mendermakan harta mereka demi usaha pembangunan umat Islam pada ketika itu.

Selain daripada zakat, sistem waqaf dalam Islam juga boleh dilihat sebagai faktor pembangunan ekonomi dalam masyarakat. Waqaf ialah membenarkan kepada golongan tertentu untuk menggunakan manfaat bagi sesuatu harta untuk suatu tempoh yang tertentu. Sistem ini juga membuktikan bahawa masyarakat Islam adalah sebenarnya masyarakat yang sentiasa berusaha untuk membangunkan ekonomi mereka. Islam menggalakkan seseorang yang mempunyai tanah terbiar contohnya, untuk mewaqafkan tanah itu bagi tujuan kegunaan masyarakat, atau tujuan yang lebih

---

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> Yusuf al-Qaradawi (1995), *Awamil Najah Mu'assasah al-Zakah fi al-Tatbiq al-Mu'asir*. Qahirah: Dar al-Sahwah, h. 65.

<sup>16</sup> Al-Ghazali (t.t.), *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi. Juz 1, h. 73.



produktif. Hal ini boleh membantu golongan miskin untuk membangunkan diri mereka seterusnya mengurangkan jurang kemiskinan daripada membelenggu umat Islam.<sup>17</sup>

### **Usahawan Hadhari**

Usahawan dalam era pendekatan Islam Hadhari ialah mereka yang progresif dalam memajukan perniagaan mereka tetapi pada masa yang sama menjaga diri mereka daripada melakukan kerosakan sama ada berbentuk spiritual atau pun fizikal. Berasaskan prinsip kegigihan, bijak mencari peluang dan berani menanggung risiko, al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi asas kepada Islam bukan sahaja dibaca sebagai sumber undang-undang, tetapi boleh dijadikan panduan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya dan produktif. Antara panduan yang perlu diberi perhatian oleh al-Quran ialah:

- i. Meletakkan objektif yang jelas yang mampu dilaksanakan dan dicapai.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sayyidina Umar bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: “Sesungguhnya setiap pekerjaan itu perlu wujud objektifnya (niat). Dan bagi seseorang akan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sekiranya dia berhijrah untuk tujuan Allah dan Rasul-Nya, maka dia akan mendapat keredhaan Allah dan Rasul-Nya, atau hanya sekadar dunia, dia akan mendapat dunia atau hijrahnya untuk tujuan wanita, maka dia akan berkahwin dengannya. Maka hijrah seseorang itu, terhenti pada apa yang dia objektifkan itu”<sup>18</sup> Jelas dalam hadis ini bahawa setiap sesuatu amalan perlu ada niat sama ada untuk tujuan dunia dan akhirat. Niat adalah objektif yang menjadi asas kepada sesuatu amalan. Sama ada untuk sekadar tujuan keduniaan atau untuk tujuan akhirat, objektif adalah penting untuk memastikan sasaran dapat dicapai.

Dalam konteks perniagaan, objektif utama ialah untuk memaksimumkan keuntungan, dan mengelakkan kerugian. Tidak salah untuk meletakkan keuntungan maksimum kerana sememangnya survival perniagaan adalah berasaskan keuntungannya. Keuntungan dimaksimumkan bukan dengan cara yang salah tetapi dengan usaha yang gigih dan dengan strategi yang betul. Tanpa objektif yang jelas

---

<sup>17</sup> Monzer Kahf

<sup>18</sup> Sahih Bukhari, Kitab Bada' al-Wahy, Bab Bada' al-Wahy, Hadith No 1.

dan realistik perniagaan akan gagal untuk dimajukan. Bahkan boleh membawa kerugian dan memberi kesan kepada survival sebuah perniagaan.

ii. Meningkatkan kualiti pengurusan perniagaan melalui maklumat

Usahawan Muslim pada masa yang sama perlu mengutamakan maklumat dan ilmu. Usahawan yang berilmu sudah pasti akan dapat melakukan kerja mereka dengan lebih licin. Islam adalah agama yang mengutamakan ilmu pengetahuan. Cara utama ialah memperbanyakkan bacaan dan kajian terhadap bidang perniagaan yang diceburi. Firman Allah: “Bacalah dengan nama Tuhanmu yang Maha Menciptakan. Yang menciptakan manusia daripada sesuatu yang tergantung dalam rahim.” [al-`Alaq: 1-2] Dalam era teknologi internet bahan bacaan tidak semestinya buku, tetapi internet merupakan sumber ilmu dan maklumat tanpa batasan yang wajar diaplikasikan dengan baik.

Maklumat pasaran, perubahan citarasa dan kehendak masyarakat, perubahan dasar-dasar perniagaan, peluang perniagaan dan lain-lain boleh didapati melalui kajian-kajian dan bahan-bahan rujukan di internet. Usahawan yang bermaklumat akan lebih berdaya saing dalam menghasilkan produk mereka. Melalui maklumat yang banyak, kos untuk menghasilkan sesuatu produk mungkin dapat dikurangkan dengan adanya teknik atau mesin yang baru di pasaran. Teknik dan kaedah baru ini tidak boleh didapati kecuali jika seseorang usahawan itu mementingkan maklumat. Kerajaan juga menyediakan kursus-kursus kepada usahawan dalam pelbagai bidang sama ada bidang pertanian, teknologi, tekstil dan lain-lain. Kursus-kursus ini boleh meningkatkan tahap maklumat para usahawan untuk menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan murah.

iii. Menjaga urusan perakaunan dengan baik dan teliti

Antara faktor utama kegagalan usahawan ialah tidak mempunyai pengurusan kewangan dan perakaunan yang cekap. Islam amat menggalakkan umatnya agar sentiasa mengemas kini sistem rekod dengan akauntan atau sistem yang paling cekap dan tepat. Firman Allah di dalam al-Quran: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila antara kamu menjalankan urusan hutang piutang dalam suatu tempoh yang tertentu, maka hendak kamu catatkan urusan niaga itu. Maka catatkanlah urusan niaga antara kamu itu oleh seorang pencatat dengan keadahan yang adil dan berautoriti. Dan janganlah pencatat itu enggan melakukan seperti mana yang diajarkan oleh Allah.

Maka hendaklah dia catatkan dan merencanakan (akaun dengan jelas) sebagaimana urus niaga yang berlaku serta bertaqwa kepada Allah..... ” [al-Baqarah: 282]

Ayat yang disebutkan merupakan ayat yang paling panjang di dalam al-Quran yang mengerangkan secara terperinci tentang pentingnya menjalankan urusan perakaunan dengan baik, teliti dan amanah. Sekali pun para ulama' meletakkan hukum harus, tetapi dalam konteks perniagaan, perakaunan boleh dianggap sebagai wajib demi menjaga urusan kewangan agar lebih sistematik.

iv. Berhati-hati agar tidak melanggar undang-undang Allah

Masyarakat Islam sebenarnya ialah masyarakat usahawan dan peniaga. Hal ini dapat dibuktikan berasaskan terdapat ayat-ayat al-Quran yang menyebutkan tentang perniagaan, juga memberi tamsilan ibadah dan ketakwaan kepada Allah adalah satu bentuk perniagaan. “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian” [Fatir: 29] Ayat ini dan beberapa ayat lain lagi jelas menunjukkan bahawa umat Islam sebenarnya ialah masyarakat peniaga. Justeru, Islam sebenarnya tidak menghalang perniagaan tetapi menggalakkan perniagaan dilakukan berasaskan undang-undang yang telah ditetapkan.

Perniagaan boleh dilakukan selagi tidak melibatkan unsur riba, arak, judi, penipuan dan penyelewengan. Selain itu para peniaga juga tidak boleh menjalankan perniagaan sehingga mengabaikan ibadah wajib kepada Allah. Firman Allah: “Dan apabila kamu selesai menunaikan sembahyang, maka berterbarankan kamu di atas muka bumi Allah serta carilah rezeki-rezeki kelebihan yang dikurniakan oleh Allah, tetapi pada masa yang sama ingatlah Allah banyak-banyak, semoga kamu berjaya (dunia dan akhirat)” [al-Jumuah: 10] Ayat tersebut memberi kesimpulan bahawa dalam pada usahawan itu menjalankan perniagaan, peraturan dan kewajipan terhadap Allah hendaklah sentiasa mereka awasi.

v. Jujur dalam proses penilaian kualiti dan kuantiti

Kejujuran dalam proses urus niaga bukan sahaja bererti jujur dengan pelanggan, tetapi jujur dengan sumber alam sekitar. Setiap sudut dalam perniagaan mempunyai hak-haknya tersendiri yang mesti ditunaikan oleh para usahawan.

Usahawan perlu memastikan hak pembekal, hak pengguna ditunaikan sebaik-baiknya. Allah menyelar golongan peniaga yang cuba mengambil kesempatan contohnya dalam urusan timbang dan sukat serta pengurangan kualiti dan kuantiti barangan. Hal ini jelas dinyatakan oleh Allah: “Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang dalam timbangan dan penilaian, Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan sebaliknya apabila mereka menyukat (kuantiti) atau mempertimbangkan (kualiti) untuk orang lain, mereka cuba kurangkan (kualiti atau kuantiti). Tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)? [al-Mutaffifin: 1-5] Pengurangan kualiti atau kuantiti dicela oleh Allah dalam ayat ini. Ayat ini juga membuktikan bahawa usaha-usaha di dunia ini menentukan kejayaan manusia di akhirat nanti.

vi. Berkerja dengan gigih dan sabar

Usahawan Muslim yang mahu dilahirkan negara ialah usahawan yang gigih dan sabar dalam menempuh rintangan dan risiko. Allah menyanjung tinggi para usahawan yang sabar dalam usaha mereka dan menjanjikan kejayaan kepada orang-orang yang sabar dalam ibadah usahawan mereka. Firman Allah: “Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang serta berdoa kepada Allah; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar” [al-Baqarah: 153]

vii. Meningkatkan tahap kecekapan komunikasi

Perniagaan amat memerlukan kepada kemahiran komunikasi sama ada berbentuk persuasif atau komunikasi informatif. Pengguna perlu diberi pemahaman dan pengetahuan yang sempurna tentang produk. Kisah Musa dan Harun di dalam al-Quran membuktikan betapa pentingnya komunikasi untuk memujuk pelanggan. Al-Quran menyebut: “Nabi Musa berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku, dadaku; Dan mudahkanlah bagiku, tugasku; Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku, Supaya mereka faham perkataanku; Dan jadikanlah bagiku, seorang penyokong dari keluargaku. Iaitu Harun saudaraku; Kuatkanlah dengan sokongannya, pendirianku, Dan jadikanlah dia turut campur bertanggungjawab dalam urusanku” [Ta Ha: 25-32] Dalam kisah ini, Nabi Musa memohon daripada Allah agar Harun dapat

membantu baginda berhadapan dengan Firaun. Menurut ulama' tafsir, Nabi Harun lebih petah berkomunikasi daripada Nabi Musa.

Justeru, para usahawan perlu meningkatkan tahap komunikasi. Dalam era globalisasi, penguasaan terhadap pelbagai bahasa adalah penting untuk mendapat pasaran yang baik. Usahawan Melayu bukan sahaja perlu menguasai bahasa Melayu dan Inggeris, tetapi perlu juga menguasai bahasa Cina dan India, memandangkan Malaysia adalah negara bermasyarakat majmuk. Penguasaan bahasa yang banyak membantu mereka dalam urusan-urusan bersama pelanggan mereka yang terdiri daripada pelbagai bangsa.

### **Pembangunan Usahawan Muslim**

Pendekatan Islam Hadhari ialah pendekatan untuk memberi kefahaman kepada rakyat tentang kekuatan Islam jika difahami dan dihayati dengan persepektif yang sebenarnya. Islam Hadhari membawa perspektif terhadap Islam secara lebih kontemporari, sesuai dengan nilai Islam yang bersifat '*Alamiyyah*, iaitu sesuai dengan setiap tempat dan masa. Antara langkah-langkah yang perlu dalam membangunkan masyarakat Malaysia khususnya Melayu ialah seperti berikut:

i. Mengubah persepsi terhadap keusahawan

Untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap usahawan memerlukan langkah dalam dua dimensi. Dimensi pertama ialah membina pemahaman yang betul tentang Islam dan mencari harta. Dan kedua ialah memberi kefahaman tentang kepentingan dan keutamaan usahawan itu sendiri. Sekalipun pihak kerajaan telah melaksanakan banyak program untuk membina usahawan, namun masih ada sesetengah pihak yang masih cenderung untuk menjauhi bidang ini kerana menyifatkan sebagai bidang mencari harta dunia yang tidak ada kaitan dengan akhirat. Pemahaman ini wajar diperbetulkan berasaskan prinsip Islam Hadhari yang memperjelaskan tentang bagaimana perlunya kekuatan ekonomi sesuatu bangsa dapat memandu mereka ke syurga Allah di akhirat nanti. Usaha mengaitkan usahawan dengan kewajipan fardu kifayah perlu dilakukan, untuk memastikan terlaksananya prinsip Islam Hadhari dalam masyarakat. Perspektif masyarakat terhadap usahawan juga perlu diperbetulkan. Usahawan Melayu yang sering dilabelkan dengan sifat-sifat yang negatif boleh memburukan persepsi masyarakat terhadap usahawan. Persepsi ini

wajar diperbetulkan dengan menonjolkan tokoh-tokoh usahawan yang berjaya yang terkenal juga dalam pengalaman terhadap ajaran Islam.

ii. Menyediakan kemudahan dan prasarana

Kemudahan dan prasara adalah penting dalam pembangunan usahawan. Kerajaan melalui agensinya telah menyediakan banyak prasarana serta kemudahan termasuk kursus-kursus dan latihan, bantuan, pembiayaan serta kemudahan tapak kedai untuk membentuk usahawan. Walau bagaimanapun, pembiayaan secara Islam perlu diperluaskan lagi untuk memberi modal kepada usahawan Muslim bagi membangunkan perusahaan mereka. Antara prinsip yang boleh digunakan ialah Qard Hasan dan al-Musyarakah Mutanaqisah dalam membentuk instrumen pembiayaan secara Islam.

Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Bank Pembangunan IKS yang akan mula beroperasi pada 1 Oktober 2005.<sup>19</sup> Selain itu pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk memberi bantuan kepada para usahawan untuk berjaya. MARA, Bank Rakyat, Perbadanan Usahawan Nasional dan lain-lain institusi adalah amat bertanggungjawab untuk memastikan kejayaan para usahawan. Usaha ini adalah selaras dengan prinsip kerajaan adil dan amanah yang menjadi dasar kepada pembangunan negara berasaskan Islam Hadhari.

iii. Pembangunan institusi ekonomi Islam seperti Zakat dan Wakaf.

Institusi zakat telah dilihat semakin berkembang di Malaysia. Namun terdapat beberapa aspek kelemahan dalam pengurusan zakat masih perlu diatasi sebaik mungkin. Sistem zakat memerlukan suatu peruntukan undang-undang yang baru yang sama seperti sistem cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, untuk melaksanakan sistem sebegini adalah agak rumit kerana memerlukan banyak pindaan terhadap perlembagaan dan akta-akta. Hal ini kerana sistem zakat masih terletak dalam kawalan Majlis Agama Islam Negeri dan hal ini memerlukan kepada beberapa pindaan terhadap peruntukan perlembagaan.

Pada masa ini juga kerajaan telah berusaha untuk menghidupkan sistem wakaf sebagai satu sistem yang boleh membantu umat Islam agar berjaya dalam bidang ekonomi. Perdana Menteri Malaysia sendiri pernah mencadangkan agar sistem ini

---

<sup>19</sup> Utusan Malaysia, 19 April 2005

dikaji dengan teliti kerana ia bukan sahaja boleh mengurangkan kadar kemiskinan dalam masyarakat, tetapi juga dapat membantu para usahawan IKS untuk mendapat bantuan serta pembiayaan untuk memulakan perniagaan.

iv. Penstrukturan Pendidikan Islam Dengan Lebih Bersepadu

Pendekatan Islam Hadhari akan lebih berjaya jika pengajian pendidikan Islam di sekolah dilakukan secara bersepadu. Pendidikan Islam di sekolah sama ada peringkat rendah hingga ke peringkat yang lebih tinggi perlu distrukturkan semula supaya pemahaman Islam tidak hanya terhad kepada skop ibadah ritual semata-mata tetapi mampu mengintegrasikan prinsip-prinsip Islam ke dalam skop kehidupan yang lebih luas, lebih-lebih lagi bidang keusahawanan.

Program seperti Usahawan Muda yang telah dilaksanakan di sekolah sejak sekian lama perlu diterapkan dengan pendekatan yang seimbang dan bersepadu. Kerajaan telah mengadakan pelbagai bentuk usaha di peringkat sekolah dan IPT contohnya penulisan esei, kelab Usahawan Muda dan lain-lain program. Sekiranya program ini disepadukan dengan pendidikan Islam yang mereka pelajari di dalam bilik darjah atau dewan kuliah, hasrat kerajaan untuk membangunkan Usahawan berasaskan prinsip Islam Hadhari akan tercapai.

v. Penyelidikan dan Ijtihad oleh Sarjana Islam

Umat Islam amat sensitif jika sesuatu perkara itu menyentuh isu-isu akidah dan pemakanan. Justeru, para sarjana Islam perlu sentiasa meneruskan usaha penyelidikan dan ijtihad agar segala permasalahan umat Islam dapat sentiasa diselesaikan dengan cepat dan berkesan. Para sarjana Islam tidak perlu menunggu sesuatu isu diperbesarkan media terlebih dahulu, tetapi perlu pro-aktif dalam mengkaji sesuatu serta mencari alternatif terhadap umat Islam.<sup>20</sup> Contohnya isu makanan halal. Para sarjana Islam yang mahir dalam *fiqh* pemakanan perlu mendahului masyarakat dengan mengesahkan status halal atau haram sesuatu bahan. Begitu juga dalam aspek pembiayaan, sarjana Islam dalam bidang *fiqh* kewangan perlu mengkaji status bentuk pembiayaan dan mencari alternatif pembiayaan secara mengikut Syariah.

---

<sup>20</sup> Yusuf al-Qaradawi (1994), *al-Ijtihad al-mu`asir bayna al-indibat wa-al-*infir*at*. Kaherah: Dar al-Tawzi', h. 18.

Penyelidikan dalam bidang moden ini adalah dinamakan *Ijtihad tahqiq al-manat*. Ijtihad bentuk *tahqiq al-manat* ini, menurut Imam al-Syatibi, perlu sentiasa berterusan demi menjamin kelangsungan perjalanan perundangan Islam hingga ke hari kiamat.<sup>21</sup> Kelambatan proses ijtihad mengakibatkan kebuntuan umat Islam menghadapi arus globalisasi dan pemodenan, sehingga ada yang berputus asa untuk menghadapi situasi semasa.

## **Kesimpulan**

Pendekatan Islam Hadhari ialah satu pendekatan yang dinamik yang menggabungkan pemodenan dan unsur spiritual untuk membentuk masyarakat yang seimbang kemajuannya. Pendekatan ini bukan semata-mata untuk melahirkan masyarakat beragama yang tidak tahu hidup dalam dunia penuh kemodenan, tetapi ingin membina tamadun bangsa yang gemilang serta maju berteraskan model material dan spiritual.

Islam Hadhari membuktikan bahawa pendekatan holistik bukanlah satu faktor yang menghalang kemajuan, tetapi adalah faktor kepada kemajuan dan peningkatan produktiviti. Tamadun Islam silam yang telah diasaskan oleh Rasulullah ternyata melahirkan ramai para usahawan yang bertaraf jutawan yang telah membantu masyarakat Islam membina empayar yang luar biasa ke seluruh dunia. Kehancuran tamadun barat yang diasaskan oleh pembangunan material tanpa pembangunan spiritual juga menjadi bukti bahawa perlunya kepada pendekatan yang seimbang.

Islam Hadhari mendidik masyarakat untuk belajar berdikari, saling membantu antara satu sama lain, serta gigih berusaha untuk mencipta kejayaan di dunia yang merupakan faktor kepada kejayaan di akhirat. Kejayaan di dunia ini akan digunakan sebagai saluran untuk mencapai kejayaan di akhirat sebagaimana firman Allah di dalam al-Quran: “Dan pertaruhkanlah apa yang dikurniakan oleh Allah dari rezeki di dunia untuk mendapatkan akhirat, dan janganlah kamu lupa (pada masa yang sama) bahagian kamu di dunia” [al-Qasas: 77]

---

<sup>21</sup> Lihat al-Syatibi (t.t.), *op.cit.*, juz 3, h. 112.